



**AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010  
PROTOKOL PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

**NOTIS PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

**Bagaimana kami mengumpul maklumat anda?**

Alvin John & Partners (AJP) sangat komited dalam melindungi Data Peribadi anda, di AJP, perlindungan privasi anda menjadi keutamaan kami. Notis ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai cara Data Peribadi anda digunakan, keadaan dimana ia boleh dikongsi kepada pihak lain, dan bagaimana kami melindungi dan memastikan keselamatan data-data sulit ini. Ini adalah selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi (“APDP”) yang telah berkuatkuasa pada 15 November 2013.

Di dalam tempoh urusan anda bersama AJP sebagai klien kami yang budiman, kami telah mengumpul daripada anda, data dan maklumat-maklumat peribadi anda (“data peribadi”) dan akan memproses data peribadi tersebut bagi membolehkan kami menjalankan tugas kami di dalam memberikan perkhidmatan perundangan seperti yang telah dilantik anda / diarahkan anda atau bagi menghantar notis-notis berkenaan dan berkomunikasi dengan anda.

Notis ini terpakai kepada semua pengguna laman web kami dan/atau sebarang perkhidmatan kami bagi sebarang tujuan.

Di dalam tempoh urusan kami bersama anda, kami telah mengumpul data peribadi anda seperti yang dimajukan oleh anda dan mungkin menerima maklumat tambahan dari masa ke semasa. Kami sentiasa berurusan dengan data peribadi anda dengan penuh kerahsiaan dan melindunginya dengan tahap keselamatan yang munasabah. Maklumat peribadi anda juga akan sedia digunapakai oleh tenaga kerja

**Messrs. Alvin John & Partners**

No 210, Block E, Phileo Damansara 1, No 9, Jalan 16/11, 46350, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
T +603 7954 2417 | F +603 7954 9417 | E info@alvinjohnandpartners.com

[www.alvinjohnandpartners.com](http://www.alvinjohnandpartners.com)



kami bagi tujuan menjalankan tanggungjawab dan peranan kami sebagai penyedia perkhidmatan perundangan anda, dengan penuh sulit dan selamat di bawah kawalan dan seliaan ketat kami.

### **Berapa lama kami boleh menyimpan Data Peribadi anda?**

Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda untuk tempoh lebih daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan pengumpulan data. Di dalam keadaan biasa, kami hanya menyimpan data peribadi anda bagi tempoh yang munasabah.

### **Apakah jenis Data Peribadi yang kami kumpul?**

Jenis-jenis Data Peribadi yang dikumpul kami secara terus atau melalui pihak ketiga termasuk (tidak terhad kepada):

- i. umur;
- ii. nombor kad pengenalan;
- iii. nombor paspot
- iv. alamat;
- v. jantina;
- vi. tarikh lahir;
- vii. maklumat ringkas anak-anak;
- viii. status perkahwinan;
- ix. pekerjaan;
- x. julat pendapatan;
- xi. alamat email;
- xii. maklumat komunikasi;
- xiii. majikan;
- xiv. kaum;
- xv. etnik asal;
- xvi. warganegara;
- xvii. jenis pinjaman dipohon bagi pembelian hartanah;
- xviii. maklumat perbankan;

**Messrs. Alvin John & Partners**

No 210, Block E, Phileo Damansara 1, No 9, Jalan 16/11, 46350, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
T +603 7954 2417 | F +603 7954 9417 | E info@alvinjohnandpartners.com

[www.alvinjohnandpartners.com](http://www.alvinjohnandpartners.com)



xix. maklumat perujuk;

### **Impak kegagalan untuk membekalkan data perbadi?**

Kegagalan anda untuk membekalkan Data Peribadi akan mengekang kami daripada menjalankan atau memenuhi perkhidmatan perundangan kami seperti dilantik/diarahkan anda. Ini akan mengakibatkan kami untuk tidak dapat menghubungi anda, menghantar sebarang notis dan tidak dapat memaklumkan status kes/fail anda bersama kami.

### **Apakah tujuan pengumpulan data peribadi?**

Data Peribadi yang diberikan anda akan dikumpul, proses, digunapakai dan jika tidak diproses oleh kami untuk tujuan, antara lain:

- (a) Penghantaran notis, perkhidmatan, dan sebarang perkhidmatan yang relevan, kepada anda bagi masa ini atau masa hadapan;
- (b) Bagi membolehkan anda untuk memasuki sebarang transaksi, perjanjian, kontrak dan prosiding undang-undang seperti diarahkan anda;
- (c) Hubungan professional undang-undang;
- (d) Tujuan-tujuan yang dinyatakan secara khusus di dalam sebarang perkhidmatan yang dilantik oleh anda;
- (a) Mana-mana urusan yang kami merasakan perlu untuk memasukan kontrak antara kami dan anda;
- (b) Untuk simpanan dalaman kami;
- (c) Simpanan untuk kutipan pembayaran;
- (d) mengikut sebarang undang-undang atau peraturan dengan peraturan atau undang-undang yang telah ditetapkan mengenai servis yang disediakan dibawah peraturan undang-undang, arahan mahkamah, garis panduan atau enakmen yang dikenakan terhadap kami;
- (e) tujuan –tujuan yang berkaitan khidmat kami kepada anda;
- (f) membenarkan kami untuk menghantar infomasi melalui surat, email, telekomunikasi (panggilan telefon atau sistem pesanan ringkas) atau media sosial dan mana-mana cara yang

**Messrs. Alvin John & Partners**

No 210, Block E, Phileo Damansara 1, No 9, Jalan 16/11, 46350, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
T +603 7954 2417 | F +603 7954 9417 | E info@alvinjohnandpartners.com

[www.alvinjohnandpartners.com](http://www.alvinjohnandpartners.com)



sesuai kami akan menyimpan segala informasi anda dan tidak akan memberinya kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan anda .

(g) mana-mana tujuan yang kami merasakan perlu selari dengan Akta Data Peribadi 2010.

### **Kepada siapa informasi akan didedahkan?**

Data Peribadi yang telah dimajukan kepada kami akan disimpan dengan sulit, namun anda kini memberikan kebenaran kepada kami untuk membekalkan atau mendedahkan Data Peribadi anda:

- a. untuk tujuan dimana data peribadi perlu untuk didedahkan pada masa pengumpulan data tersebut; atau
- b. untuk tujuan yang berkaitan dengan tujuan diatas yang dirujuk dalam perenggan (a) ; atau
- c. untuk tujuan yang dirasakan perlu untuk kami melakukan atau melengkapkan proses perkhidmatan yang telah dilantik atau diarahkan kepada kami kepada pihak ketiga yang mana perlu untuk kami mendedahkan agar membolehkan kami menjalankan dan/atau melengkapkan perkhidmatan yang diarahkan anda.

Data Peribadi anda boleh didedahkan oleh kami dengan kebenaran anda untuk sebarang tujuan selain daripada tujuan pendedahan seperti semasa pengumpulan maklumat tersebut, atau sebarang tujuan berkait terus dengan tujuan, hanya di dalam keadaan-keadaan berikut:

- a. pendedahan tersebut perlu untuk tujuan menghalang atau mengenalpasti jenayah atau bagi tujuan sebarang siasatan; atau
- b. pendedahan adalah diperlukan atau dibenarkan oleh atau dibawah mana-mana undang-undang atau mana mana perintah Mahkamah;
- c. kami bertindak dengan kepercayaan munasabah bahawa kami mempunyai hak dibawah undang-undang untuk mendedahkan maklumat tersebut kepada pihak lain;
- d. kami bertindak dengan kepercayaan munasabah bahawa anda telah memberi kebenaran kepada kami untuk mendedahkan perkara tersebut; atau

**Messrs. Alvin John & Partners**

No 210, Block E, Phileo Damansara 1, No 9, Jalan 16/11, 46350, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
T +603 7954 2417 | F +603 7954 9417 | E info@alvinjohnandpartners.com

[www.alvinjohnandpartners.com](http://www.alvinjohnandpartners.com)



e. pendedahan tersebut diterima bagi menjaga kepentingan awam .

### **Bagaimana kami melindunginya?**

Kami akan menyimpan dan memproses data anda dengan selamat dan akan, apabila memproses data peribadi, mengambil langkah-langkah praktikal mengikut undang-undang dan peraturan yang berkenaan untuk melindungi Data Peribadi dari sebarang sebarang kehilangan, modifikasi, salahguna atau kesilapan akses atau pendedahan, alterasi atau kerosakan.

### **Apakah itu KUKI**

Kuki ialah data yang disimpan dalam pemacu cakera keras pengguna yang mengandungi maklumat mengenai pengguna tersebut. Penggunaan kuki tiada hubung kait langsung dengan mana-mana maklumat yang boleh dikenal pasti secara peribadi semasa melawat laman web kami.

Ini membolehkan sistem kami mengenali pelayar web anda dan mengingati butir-butir anda. Maklumat ini hanya boleh diakses oleh kakitangan AJP yang dibenarkan; pengguna Internet dan syarikat lain tidak boleh mencapai maklumat ini. Kuki ID sesi akan luput apabila anda menutup pelayar anda. Kuki tetap akan kekal di cakera keras anda untuk suatu tempoh yang lama.

### **Bila kami akan berkongsi dan memindahkan data?**

Apabila kami merasakan ia adalah perlu dan wajar bagi tujuan simpanan data atau pemrosesan atau menyediakan sebarang servis atau produk dari pihak kami kepada anda, kami mungkin akan memindahkan data peribadi anda kepada rakan kami di Bar atau sebarang pihak ketiga seperti yang diperlukan di bawah undang-undang atau diperlukan untuk prestasi perkhidmatan di bawah syarat-syarat sulit dan tahap yang sama perlindungan keselamatan.

#### **Messrs. Alvin John & Partners**

No 210, Block E, Phileo Damansara 1, No 9, Jalan 16/11, 46350, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
T +603 7954 2417 | F +603 7954 9417 | E info@alvinjohnandpartners.com

[www.alvinjohnandpartners.com](http://www.alvinjohnandpartners.com)



### **Hak Mengakses Dan Pembedulan**

Anda mempunyai hak untuk memohon akses dan pembedulan kepada informasi mengenai anda yang disimpan oleh kami di mana, anda boleh memeriksa sama ada data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak kami. Anda juga boleh, sekiranya perlu, membuat pembedulan data dengan menulis kepada kami untuk membuat pembedulan yang diperlukan kepada data peribadi anda.

Sebarang permintaan untuk akses dan pembedulan boleh dibuat secara bertulis kepada:

#### **Pegawai PDPA**

#### **Messrs Alvin John and Partners**

No. 210, Block E Phileo Damansara 1

No9. Jalan 16/11

46350 Petaling Jaya

Selangor

Tel 03 7954 2417

#### **Tarikh Penerbitan**

3 Disember 2014

#### **Messrs. Alvin John & Partners**

No 210, Block E, Phileo Damansara 1, No 9, Jalan 16/11, 46350, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan  
T +603 7954 2417 | F +603 7954 9417 | E info@alvinjohnandpartners.com

[www.alvinjohnandpartners.com](http://www.alvinjohnandpartners.com)